



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD - Global			
TARIKH	:	15/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	-			

# KEMBARA 1,300KM 14 GAJAH TAMAT

*Selepas perjalanan setahun  
setengah akhirnya kembali  
semula ke habitat asal*

Beijing

Selepas setahun setengahkan menempuh pengembaraan 1,300 kilometer (km) dengan melalui tiga bandar dan lapan wilayah, 14 gajah liar Asia yang tersesat akhirnya menyeberangi Sungai Yuanjiang untuk kembali semula ke habitat asalnya.

Global Times melaporkan kepulangan yang dinantikan itu mendapat reaksi gembira daripada netizen.

Pakar yang dihubungi oleh Global Times mengatakan, kejayaan itu sebahagian besarnya dapat dikaitkan

Agensi

dengan panduan berkesan pihak berkuasa hidupan liar tempatan.

Pihak berkenaan meralakan kawanan haiwan yang mula bergerak pada Mac 2020, kini menuju ke selatan iaitu habitat asalnya di Pu'er, selatan wilayah Kunming.

Gajah itu dipandu oleh pasukan kerja khas untuk menyeberangi Sungai Yuanjiang melalui jambatan dan selamat tiba di tebing di selatan sungai.

Untuk memberi laluan kepada haiwan itu, pihak berkuasa tempatan menghadkan lalu-lintas dan lampu berhampiran sungai, lapor Caixin.

Dari kamera pengawasan yang disediakan oleh bomba wila-



Metro  
Ahad(Global), 15  
Ogos 2021\_23

KAWANAN gajah berehat dalam hutan sebelum memulakan perjalanan kembali ke habitat asal. Gambar kecil, gajah berkenaan menyeberangi Sungai Yuanjiang menerusi jambatan.

yah, gajah itu kelihatan berbaris seekor demi seekor untuk menyeberang jambatan.

Trak diparkir di samping untuk menyekat sebarang gangguan.

Pasukan kerja akan terus memandu kawanan itu kembali ke habitat asalnya di Hutan Simpanan Xishuangbanna sambil memastikan keselamatan dan kesihatan haiwan itu, kata pihak berkuasa tempatan.

"Kembalinya gajah ada kaitannya dengan campur tangan aktif oleh pemerintah daerah, yang mengikuti

gerakan kawanan itu dan memandu sambil melindungi haiwan dari bahaya," Sun Quanhui, seorang saintis dari Pertubuhan Perlindungan Haiwan Dunia.

Dron diterbangkan untuk mengawasi kawanan itu pada ketinggian 300 meter, kata Yang Xiangyu, ketua pasukan kerja khas pemadam kebakaran hutan wilayah.

Mereka juga menggunakan jagung untuk menarik perhatian gajah supaya menuju laluan yang betul, tambah Yang.

Dalam pada itu, Bernama

melaporkan sepanjang perjalanan mamalia itu, tiada kes kematian dan kecederaan manusia dilaporkan susulan pelaksanaan langkah keselamatan oleh pihak berkuasa tempatan.

Setakat 8 Ogos lalu, lebih 25,000 anggota polis dan petugas dikerah untuk memantau pergerakan kawanan gajah itu, selain menggunakan 973 dron serta menempatkan 15,000 kenderaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Menurut pihak berkuasa tempatan, lebih 150,000

penduduk dipindahkan ke kawasan lain bagi tujuan keselamatan, manakala turut disediakan kepada kumpulan gajah berkenaan.

Selain itu, 13 pakar dari Pusat Penyelidikan Gajah Asia Pentadbiran Perhutanan dan Padang Rumput Negara, Institut Zoologi Kunming, Universiti Yunnan, Universiti Perhutanan Beijing dan jabatan lain turut memberikan panduan saintifik dan sokongan teknikal sepanjang pengembaraan gajah berkenaan.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia